

**Amerika Berminat Terus Bekerjasama Rapat Dengan Malaysia  
Bernama  
9 May, 2013**

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Amerika ingin terus bekerjasama rapat dengan Malaysia dan rakyatnya untuk memperkukuh demokrasi, keamanan dan kemakmuran di rantau ini.

Negara itu mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Barisan Nasional (BN) yang memenangi pilihan raya umum pada 5 Mei.

"Bagi pihak presiden dan rakyat Amerika, kami mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Najib atas kemenangan parti gabungan pimpinan beliau dalam pilihan raya umum pada 5 Mei," kata kenyataan yang dikeluarkan kedutaan Amerika di Kuala Lumpur, Khamis, yang memetik kenyataan Pejabat Setiausaha Akhbar White House.

Pilihan raya umum ke-13 Ahad lepas menyaksikan BN kembali menubuhkan kerajaan setelah memenangi 133 daripada 222 kerusi parlimen.

"Kami mengucapkan tahniah kepada rakyat Malaysia kerana mencipta rekod daripada segi jumlah pemilih yang keluar mengundi dan kepada parti pembangkang yang turut berkempen juga diucapkan tahniah, kerana pembangkang yang sihat menjadi asas sebuah negara demokrasi," menurut kenyataan itu.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=948640>